

02/12/1997

Agong utus tahniah kepada Laos

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengirinkan perutusan tahniah kepada Presiden Laos, Nouhak Phoumsavanh sempena sambutan hari kemerdekaan negara Indochina itu.

"Kami gembira kerana hubungan baik dan kerjasama rapat antara kedua negara terus berkembang dalam tempoh beberapa tahun ini," kata Seri Paduka dalam perutusan itu yang dikeluarkan Wisma Putra di sini.

Seri Paduka juga berharap Phoumsavanh dan rakyat Laos menikmati kehidupan yang sihat, maju dan makmur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya Khamtay Siphandone.

"Saya sedia bekerja lebih rapat dengan anda bagi menggalakkan hubungan dan kerjasama lebih rapat antara kedua-dua negara yang akan memberi," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengirim perutusan yang serupa kepada Menteri Ehwat Luar Laos Somsavat Lengsavad dengan mengulangi komitmen Malaysia untuk meningkatkan kerjasama dua hala demi kemajuan Asean. - Bernama

(END)